

USIM juara laman web KPT 2009

UNIVERSITI Sains Islam Malaysia (USIM) di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan muncul sebagai juara keseluruhan dalam Pertandingan Laman Web 2009 yang dianjurkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

ia adalah kemenangan dua tahun berturut-turut dalam kategori IPTA. Tahun lalu, USIM muncul juara dalam kategori yang sama. Tahun ini, ia mendahului 19 buah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang lain bagi bergelar juara. Tempat kedua dimenangi oleh Universiti Malaysia Perlis (Unimap), manakala tempat ketiga dimenangi oleh Universiti Putra Malaysia (UPM).

Menurut kenyataan USIM, ia berjaya mengekalkan kedudukan di tempat pertama dan menjadi juara keseluruhan hasil kerja keras Jawatankuasa Laman Web USIM yang bertungkus lumus menyumbangkan idea dan tenaga dalam proses penyediaan laman web.

Pertandingan Laman Web 2009 anjuran KPT itu berlangsung sepanjang tahun dan penilaian dibuat bermula bulan Mei yang lalu. Sebanyak lima kategori telah dipertandingkan.

Kategori-kategori tersebut adalah KPT (jabatan atau agensi di bawah KPT), IPTA, institusi pengajian tinggi swasta (IPTS), politeknik dan kolej komuniti.

Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin yang turut merasmikan Hari Inovasi Kementerian Pengajian Tinggi 2009 di Kementerian Pengajian Tinggi, Putrajaya.

Dalam ucapannya, beliau memaklumkan bahawa sambutan Hari Inovasi diwujudkan hasil daripada



KEMENANGAN ini merupakan kemenangan kali kedua buat USIM.

saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Najib Tun Razak yang meminta agar Hari Kualiti ditukar kepada Hari Inovasi. Tahun ini adalah tahun pertama pelaksanaannya.

“Inovasi merupakan elemen yang penting dalam

memastikan perkhidmatan yang cemerlang. Ia perlu diterapkan kepada semua warga KPT di pelbagai peringkat, jabatan dan institusi pengajian tinggi terutama dalam cara berfikir dan tindakan agar relevan dengan dunia semasa,” tambahnya.